

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI SELANGOR

oleh

ABD. HAMID SAID

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

81/ 82

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

Oleh

Abd. Hamid Said.

Penyelia

En. Abd. Monir Hj. Yaacob.

Untuk

Memenuhi Syarat Mendapat
Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Islam Dengan Kepujian

Di

Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
81/ 82

KANDUNGAN

1. Pendahuluan.....	i
---------------------	---

BAB PERTAMA

PENGERTIAN ADAT SERTA PEMBAHAGIAN DAERAH YANG TERDAPAT DI NEGERI SEMBILAN.

2. Pengertian Adat.....	1
3. Pengertian Adat Perpatih.....	12
4. Adat Yang Sebenar Adat.....	16
5. Adat Yang Teradat.....	17
6. Adat Istiadat.....	17
7. Kemunculan Adat Perpatih.....	18
8. Kawasan Asal Negeri Sembilan.....	25

BAB KEDUA

POLA-POLA KEPIMPINAN POLITIK DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

9. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Secara Umum.....	31
10. Konsep Politik.....	37
11. Konsep Demokrasi.....	38
12. Konsep Feudalisme.....	41
13. Konsep Sosialisme.....	42
14. Demokrasi Dan Adat Perpatih.....	42
15. Sosialisme Dan Adat Perpatih.....	43
16. Kedudukan Politik Negeri Sembilan.....	46
17. Analisa Birokrasi.....	48
18. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Adat Perpatih.....	49
19. Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin.....	55
20. Sifat-Sifat Seorang Pemimpin.....	55
21. Kedudukan Ekonomi yang Baik.....	55
22. Badan Yang Sihat.....	56
23. Watak Yang Baik.....	57
24. Akal.....	59
25. Tugas-Tugas Seorang Pemimpin.....	60
26. Pantang Larang Terhadap Seorang Pemimpin.....	62

BAB KETIGA

PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

27. Keadaan Masyarakat Adat Perpatih.....	65
28. Sepintas Lalu Struktur Dan Organisasi Dalam Adat Perpatih.....	66

29. Proses Perlantikan Pemimpin-Pemimpin.....	67
30. Buapak.....	67
31. Kedudukan Dan Tugas Buapak Dalam Masyarakat.....	71
32. Lembaga.....	75
33. Syarat-Syarat Menjadi Lembaga.....	76
34. Istiadat Penyembahan.....	78
35. Upacara Penyembahan Kepada Undang.....	80
36. Tugas-Tugas Lembaga Dalam Masyarakat.....	82
37. Adat Istiadat Perlantikan Undang Serta Perbandingan Antara Luak-Luak Yang Empat.....	86
38. Luak Dan Ikatan Suku-Suku.....	87
39. Keadaan Hidup Dalam Suku.....	88
40. Kedudukan Datuk Undang Dalam Masyarakat.....	91
41. Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong.....	92
42. Cara Perlantikan Undang Johol.....	96
43. Kuasa Undang.....	97
44. Cara Perlantikan Undang Luak Rembau.....	100
45. Cara Perlantikan Undang Luak Jelevu.....	105
46. Penghulu.....	113
47. Cara Perlantikan Penghulu Gunung Pasir.....	113
48. cara Perlantikan Penghulu Inas.....	115
49. Cara Perlantikan Penghulu Jempol.....	117
50. Cara Perlantikan Penghulu Terachi.....	118
51. Cara Perlantikan Penghulu Gem nchih.....	119
52. Cara Perlantikan Penghulu Luak Air Kuning.....	120
53. Cara Perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar.....	121
54. Cara Perlantikan Tengku Besar Tampin.....	124

BAB KEEMPAT

YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DAN CARA PERLANTIKANNYA.

55. Sejarah Ringkas Permulaan Yang Dipertuan Besar.....	128
56. Kedatangan Raja Melewar Ke Negeri Sembilan.....	130
57. Kebesaran Dan Martabat Raja.....	137
58. Adat Istiadat Perlantikan Yang Dipertuan Besar.....	139
59. Syarat-Syarat Pemilihan Calon Yang Di Pertuan.....	144
60. Adat Istiadat Pertabalan.....	146
61. Adat Istiadat Bersiram.....	148
62. Istiadat Pertabalan.....	150
63. Pelaksanaan Adat.....	151
64. Upacara Mengangkat Sembah.....	154
65. Isteri Yang Di Pertuan Besar.....	159
66. Cara Pertabalan Tengku Ampun.....	160
67. Jawatan-Jawatan Yang Terdapat Dalam Istiadat.....	163
68. Penutup.....	168

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya tertentu kepada Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas nabi besar Muhammad S.a.w. juga ke atas ahli-ahli keluarga dan para pengikutnya.

Dengan kekuatan dan petunjuk yang diberikan oleh Allah dapatlah saya menyudahkan kajian ilmiah ini. Kajian ini adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian.

Untuk itu saya mengambil kesempatan bagi mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu En. Abd. Monir bin Haji Yaacob yang telah membimbing, memberi panduan serta teguran dan nasihat dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Juga saya merakamkan jutaan penghargaan kepada ibu dan ayah yang sentiasa memberi galakan, semangat dan kewangan dalam mengejar cita-cita saya. Tidak dilupakan juga kepada kawan-kawan yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama untuk menyiapkan kerja saya ini. Juga kepada datuk-datuk Lembaga, Buapak dan setiausaha-setiausaha kepada Undang yang pernah saya temu bual dan mengambil bahan yang berkenaan dengan latihan ilmiah ini. Kepada mereka-mereka semua, saya doakan semoga diberkati Allah sentiasa.

Wassalam.

SINOPSIS

Adat Perpatih terdapat dalam sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat di kalangan suku-suku bangsa di Negeri Sembilan dan Daerah Naning Melaka. Ia merupakan sistem adat yang agak unik, di mana susunan pemerintahan dan perwarisan harta adalah didasarkan menurut susur galur kepada sebelah ibu.

Menurut sejarah, Adat Perpatih adalah berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatra. Lama kelamaan ia berkembang kepada beberapa luak dan seterusnya penyatuan di antara luak-luak menjadikan Negeri Sembilan yang ada pada hari ini. Luak-luak inilah yang menjadi objektif penulis untuk mengkaji tentang perbandingan politik yang terdapat.

Untuk memudahkan kajian penulis pembahagian latihan ilmiah ini kepada empat bab. Pada dasarnya merangkumi setiap aspek masyarakat dan politik kepimpinan yang boleh di imbaskan berbentuk piramid, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah hingga ke peringkat yang paling tinggi.

Dalam bab pertama, penulis akan mengesahkan tentang pengertian adat, sejarah kedatangan seterusnya ia berkembang membentuk luak-luak dan berlainan pula dari segi struktur politiknya. Manakala dalam bab yang kedua, penulis akan melanjutkan perbincangan mengenai kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Ini termasuklah konsep kepimpinan, syarat-syarat menjadi pemimpin serta tugas-tugas yang mesti disandang oleh pemimpin.

Berikutnya dalam bab yang ketiga dan keempat, penulis akan mengesahkan berupa adat istiadat perlantikan, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah “Buapak” hinggalah kepada peringkat yang paling tinggi “Yamtuan”. Juga akan diceritakan mengenai kedudukan Yamtuan dari segi pemerintahan.

Hidupnya Adat Perpatih hingga ke hari ini, menandakan yang ianya diterima oleh masyarakat setempat. Untuk mengetahui secara terperinci, sila meneliti keseluruhan penulisan latihan ilmiah ini.

PENDAHULUAN

Bila memperkatakan tentang adat, terbayang kepada kita bahawa ia merupakan suatu amalan yang digunakan atau diikuti oleh masyarakat keseluruhannya, yang mana amalan itu berjalan terus dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Adat pula berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sebagai contoh berpeluk-pelukan atau bercium di khalayak ramai sebagai mengucap selamat datang atau selamat berpisah untuk sementara di antara lelaki dan perempuan adalah suatu adat tradisi yang baik di kalangan masyarakat barat. Tetapi sebaliknya peradaban yang bertentangan dengan tata susila peradaban bangsa.

Bila mengkaji adat di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga keadaan. Pertama adat Temenggung, kedua adat Kampung dan ketiga Adat Perpatih. Antara ketiga-tiga adat ini mempunyai ciri-ciri perbezaan yang ketara. Adat Perpatih adalah yang wujud di Negeri Sembilan dan sebahagian dari Negeri Melaka. Ia merupakan suatu adat yang unik yang sepatutnya di banggakan oleh orang-orang Melayu. Kerana di samping ia sebagai adat, merangkumi juga di dalam adat itu sistem politik yang berlainan dengan adat atau sistem politik yang pernah wujud dalam tamadun manusia. Lantaran itulah adat ini menjadi tumpuan kepada pengkaji-pengkaji barat seperti M.B. Hooker, E.N. Taylor dan lain-lain datang mengkaji adat ini dan seterusnya membuat buku untuk memaparkan kepada masyarakat berhubung dengan sistem politik yang wujud dalam Adat Perpatih.

Jadi, sebagai memenuhi kehendak fakulti untuk mendapat ijazah kepujian maka usaha menulis tesis ini atas tajuk yang bersangkutan dengan sistem politik Adat Perpatih Negeri Sembilan. Saya kagum dengan struktur politik yang ada, kerana dalam perubahan tamadun manusia yang sebegini moden, ia masih lagi kekal sebagai adat yang boleh diterima oleh rakyat.

BAB KEEMPAT

YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DAN CARA PERLANTIKANNYA

Yang Dipertuan Besar adalah merupakan teraju pemerintahan politik yang paling tinggi di Negeri Sembilan serta tempat rayuan yang terakhir.¹ Dalam perbilangan adat baginda disifatkan sebagai “keadilan” yang mana berfungsi sebagai penyelesaian serta hakim yang tertinggi dalam sebarang masalah adat. Paling penting peranan baginda sebagai lambang persatuan dan kesatuan di Negeri Sembilan.² Meskipun kedudukan Yang Dipertuan Besar di luar dari Adat Perpatih, namun dari segi adat baginda dilingkungi dengan nilai dan peraturan hukum adat. Dengan kata lain, Yang Dipertuan Besar hanya sebagai lambang kebesaran kerajaan negeri kerana ia tidak berkuasa ke atas semua daerah kecuali di Seri Menanti.³

Sebagai contoh Yang Dipertuan Besar di luar dari Adat Perpatih dapat dilihat perlantikan Yamtuan Jaafar sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 18.4.1967. Yang mana Tungku Abdul Rahman sebagai Yang Dipertuan Besar telah berkahwin empat kali dan anak sulungnya Yamtuan Munawir (1960-1967) adalah anak kepada isterinya yang pertama yang diambil daripada keluarga diraja. Sementara yang lain Yamtuan Jaafar dan saudaranya tungku Abdullah adalah anak hasil perkongsian hidup dengan isteri yang di luar daripada keluarga diraja.⁴ Ini menunjukkan perlantikan Tungku Jaafar terkeluar dari adat.

Sejarah Ringkas Permulaan Yang Dipertuan Besar

Pada akhir kurun Masihi yang ketujuh belas, orang di Sungai Ujong, Johol, Naning dan Jelabu telah bersama-sama menjemput seorang raja dari Minangkabau hendak dijadikan raja pemerintahan di Negeri Sembilan.⁵ Menurut sejarah negeri itu pernah juga pada suatu masa dahulu berada di bawah kekuasaan Johor dan Pengaruh Bugis.⁶

Setelah orang-orang di Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau berjaya mengusir Daeng Kemboja iaitu pengaruh Bugis, mereka memohon dari tempat tinggal asal mereka di Minangkabau seorang anak raja untuk dijadikan raja. Seorang raja dari Minangkabau bernama raja Kasah telah datang ke Negeri Sembilan lalu dijadikan raja. Tetapi ia dihalau balik kerana tidak berjaya mengatur dan memajukan Adat Perpatih di Negeri Sembilan seperti yang dikehendaki oleh datuk yang menjemputnya. Dengan itu seorang raja lain bernama raja Adil dari Minangkabau

¹ R.O. Winstedt, op. cit, hal. 91.

² Dr. Nordin Selat, op. cit, hal. 55.

³ Dr. Khoo Kay Kim, op. cit, hal. 4.

⁴ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 115.

⁵ Pada masa ini negeri itu belum dinamakan Negeri Sembilan lagi.

⁶ Abdul Samad Idris, op. cit, hal. 22.

juga telah datang ke Negeri Sembilan dan dijadikan raja. Tetapi kemudiannya raja Adil ini pun dihalau juga seperti raja Kasah tadi kerana tak berjaya dalam pemerintahannya.¹

Akhirnya pada tahun 1770, empat orang datuk Undang di Negeri Sembilan iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau telah bersetuju menghantar utusan kepada raja Pagar Ruyung di Minangkabau memohon seorang anak raja. Angkatan perutusan dari Datuk Undang itu diketuai oleh dua orang yang bernama Panglima Bandan dan Panglima Bandut. Sebelum angkatan itu pergi ke Pagar Ruyung, terlebih dahulu mereka menghadap untuk meminta izin sultan Johor dan sultan Johor telah mengizinkan mereka pergi ke Pagar Ruyung.

Utusan itu telah sampai ke Pagar Ruyung lalu menghadap raja Minangkabau yang bernama Sultan Muning Shah III dan menyatakan maksud kedatangan mereka. Raja Pagar Ruyung telah bersetuju dan mereka mengutus seorang orang besar di Minangkabau bernama Raja Khatib pergi terlebih dahulu ke Negeri Sembilan untuk membuat persediaan bagi menerima kedatangan seorang anak raja Minangkabau bernama raja Melewar yang akan dirajakan di Negeri Sembilan.²

Kedatangan Raja Melewar Ke Negeri Sembilan

Apabila raja Khatib sampai di Negeri Sembilan, ia telah belot kepada raja Minangkabau. Ia mengaku dirinya raja yang sebenar yang di hantar oleh raja Pagar Ruyung untuk dijadikan raja di Negeri Sembilan. Raja Khatib telah beristerikan Warna Emas, anak Penghulu Na'am iaitu Penghulu Ulu Muar. Tidak lama kemudian raja Pagar Ruyung bersiap menghantar raja Melewar dengan pengiringnya seramai empat puluh orang ahli pertikaman yang gagah berani bertolak ke Negeri Sembilan.

Raja Melewar telah bertolak dari Minangkabau menuju ke Siak. Raja Siak membekalkan pula kepada raja Melewar dengan empat puluh orang ahli pertikaman yang handal-handal sebagai pengiring. Pada masa itu raja Siak di bawah jajahan Minangkabau. Dari Siak raja Melewar pergi ke Johor menghadap Sultan Johor. Sultan Johor telah mengurniakan kepada raja Melewar sebuah cap mohor dan diberi kuasa penuh memerintah negeri yang kemudiannya dinamakan Negeri Sembilan. Dari Johor raja Melewar melalui Naning lalu datang ke Rembau, Negeri Sembilan. Di Penajis iaitu suatu tempat di Rembau raja Melewar telah ditabalkan menjadi Yamtuan pada tahun 1773.³

Perlu diketahui bahawa pada masa itu dan sebelumnya penduduk yang tinggal di Negeri Sembilan adalah orang Asli. Zaman ini dikenali dengan "Zaman Sakai".⁴ Orang-orang Sakai ini telah berkahwin dengan pembesar-pembesar dari Melaka yang menjadi ketua di wilayah itu.⁵ Ini menandakan bahawa negeri ini sebelum kedatangan raja Melewar adalah di bawah jajahan Melaka. Selepas Melaka jatuh negeri ini bernaung pula di bawah kerajaan Johor. Sebab itulah raja Melewar memohon kurnia dari sultan Johor sebelum datang ke Negeri Sembilan.

¹ Haji Buyung Adil, op. cit, hal. 43.

² Ibid, hal. 43-44.

³ Ibid, hal. 45.

⁴ R.J. Wilkinson, (ed) Papers On Malay Subjects, Kuala Lumpur, Singapura, 1921, hal. 238.

⁵ J.M. Gullick, op. cit, hal. 62-63.

Peristiwa persemendaan antara Sakai dan Bangsawan-bangsawan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Kerana selepas kedatangan orang-orang Minangkabau ini perempuan-perempuan Sakai itu telah berkahwin pula dengan orang-orang mendatang ini. Hasil dari perkahwinan inilah yang telah melahirkan suku waris Biduanda iaitu asal keturunan datuk-datuk Undang yang empat sekarang ini.¹ Berbalik kepada raja Melewar tadi, setelah ia tahu perbuatan raja Khatib yang telah menjalankan tipu muslihatnya di Negeri Sembilan, lalu raja Melewar melancarkan perang melawan raja Khatib yang dibantu oleh ayah mertuanya Panglima Na'am. Pasukan perang raja Melewar berperang melawan Pasukan raja Khatib di tempat yang bernama kampung Bukit. Dalam peperangan ini pihak raja Melewar telah kalah lalu berundur ke tempat yang bernama Sepri. Selepas itu raja Melewar datang lagi membawa pasukan perangnya menyerang raja Khatib di Seri Menanti. Dalam pertempuran itu barulah raja Melewar dapat mengalahkan raja Khatib. Raja Melewar terus bersemayam di Seri Menanti dan Daerah Seri Menanti terus dinamakan "Tanah Mengandung" iaitu tanah yang dipunyai sendiri oleh Yamtuan Seri Menanti. Sejak itu timbullah perbilangan yang berbunyi:

Tanah Kerjan² di Penajis,
Tanah Mengandung di Seri Menanti.³

Bermula dari raja Melewar, maka berterusanlah pemerintahan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan hingga ke hari ini. Berikut ialah nama-nama Yang Dipertuan Besar hingga sekarang.⁴

1. Raja Melewar 1773-1795.
2. Yamtuan Hitam 1795-1808.
3. Yamtuan Lenggang 1808-1824.
4. Yamtuan Raden 1830-1861.
5. Yamtuan Imam 1861-1869.
6. Tengku Puan Intan (pemangku raja) 1869-1872.
7. Yamtuan Antah 1872-1888.
8. Tengku Muhammad 1888-1933.
9. Tuanku Abdul Rahman 3.8.1957-1.4.1960.
10. Tuanku Munawir 5.4.1960-14.4.1967.
11. Tungku Jaafar 18.4.1967- hingga sekarang.

Susur galur keturunan Yang Dipertuan Besar tidak merupakan dari satu suku. Oleh sebab itu baginda tidak terikat dengan susunan suku yang unilateral atau matrilineal dan tidak menganut sistem eksogami sebagai teras dari suku.⁵ Dari sudut sejarah pada asalnya jawatan Yang Dipertuan Besar bukan turun-temurun tapi terbentuk dari hasil permuafakatan Undang yang empat. Jadi calon jawatan itu tidak berasaskan kepada keturunan, Cuma perlu mendapat persetujuan dari Undang Yang Empat. Akan tetapi cara begini terhenti dengan termeterainya perjanjian di Seri Menanti pada 4hb. Jun 1887, yang menetapkan bahawa kerajaan dengan keagungan

¹ Lokman Yusuf, *Islam and Adat, as seen in Land Inheritance*, Intisari, MSRI, vol. 1, no. 4, Singapura, 1963, hal. 12.

² Kerjan ertinya tabal.

³ Haji Buyung Adil, *op. cit.*, hal. 46.

⁴ Abdul samad Idris, *op. cit.*, hal. 26.

⁵ Abdullah Siddik, *op. cit.*, hal. 126.

Yang Dipertuan Besar membenarkan Tengku Besar Muhammad anak Tengku Antah untuk jadi Yang Dipertuan Seri Menanti dan jawatan ini hendaklah turun-temurun dari keturunan Tengku Antah.¹

Yang Dipertuan Besar mempunyai dua sifat utama, iaitu sebagai pemerintahan di kawasan Seri Menanti dan ketua negeri bagi seluruh Negeri Sembilan.² Kini ternyata selain dari mempunyai kawasan sendiri, Yang Dipertuan Besar boleh campur tangan atas luak lain dalam perkara yang berkait rapat dengan atas luak lain dalam perkara yang berkait rapat dengan keadilan, tapi tidak dalam bentuk paling mutlak. Berasaskan pada kedudukan yang bersifat organisasi territorial, Yang Dipertuan Besar memerintah menurut ketentuan-ketentuan yang diletakkan dalam undang-undang Perlembagaan Negeri Sembilan tahun 1959, terutama dalam bab 3 perkara 7 ada menyebutkan peranan dan ciri-ciri khusus seorang Yang Dipertuan Besar. Antara penetapan syarat tersebut berbunyi.³

Fasal (1) Hendaklah ada seorang Yang Dipertuan Besar bagi negeri ini bagi menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa seorang raja mengikut perlembagaan ini dan kedudukan tarafnya hendaklah terkenan sekali daripada orang-orang lain dalam negeri ini.

Fasal (2) Yang Dipertuan Besar itu hendaklah seorang yang dipilih oleh Undang luak Sungai Ujong, Undang luak Jelebu, Undang luka Johol dan Undang luka Rembau mengikut adat istiadat negeri ini.

Fasal (3) Tiada boleh dipilih siapa-siapa menjadi Yang Dipertuan Besar bagi negeri ini melainkan ia seorang Melayu laki-laki yang sempurna akan dan memeluk agama negeri ini dan anak di dalam nikah yang berketurunan daripada Raja raden ibni raja Lenggang mengikut pihak sebelah laki-laki.

Dengan termeterainya perlembagaan ini, maka terbentuklah sebuah kerajaan Negeri Sembilan diketuai oleh seorang raja yang bergelar Yang Dipertuan Besar.

Kebesaran Dan Martabat Raja

Menurut apa yang terdapat dalam undang-undang Sungai Ujong perkara 80 berbunyi:

Adapun kebesaran raja bergajah indah, gajah hitam, peti Canago, berpenghulu Sungai Terap? berpanglima berhulubalang akan memegang payung dan tombak dan pedang-pedang bercetai, berpenghadap sangku akan membasuh kakitangan berpenghulu dia kepala empat orang (1) Pemuncak (2) Penghulu (3) Indomo (4) Kadi. Adapun datuk bendahara putih pemuncak alam dan datuk makhdum sakit penghulu alam dan datuk Indomo payung panji-panji oleh Daulat Yang Dipertuan.

¹ M.B. Hooker, *Adat Laws In Modern Malaya*, op. cit, hal. 115.

² Ibid, hal. 117.

³ Perlembagaan Negeri Sembilan, bab 3, perkara 7, fasal 1, 2 dan 3.

Adapun tuan Kadi suluh daulat Yang Dipertuan.
Itulah kebesaran Daulat yang Dipertuan. Itulah
umpamanya bako (baka) dan Sako oleh Daulat Yang
Dipertuan.

Berdasarkan kepada apa yang terdapat dalam undang-undang ini, kalau hendak dibandingkan dengan keadaan yang ada pada hari ini, bahawa kebesaran raja itu tergantung kepada kebendaan seperti mempunyai kenderaan yang besar lagi mahal, tempat kediaman (istana) yang indah lagi besar dan pelbagai-bagai lagi mengikut pandangan sekarang ini. Perlu diketahui bahawa kebesaran seorang raja pada masa sekarang tidak menjadi ukuran sekiranya rakyat yang diperintahnya miskin dan menderita. Jadi kalau raja sahaja yang hidup dengan penuh kebesaran dan kemewahan. Kebesaran itu tidak bermakna, bahkan ia digelar sebagai menyalahgunakan kuasa. Dengan itu patut digulingkan dan digantikan dengan seorang yang lain yang lebih berkelayakan. Dalam hal ini Undang Yang Empat diberi kuasa untuk menyingkirkan andainya Yang Dipertuan Besar itu tidak sesuai menurut hukum adat.

Adapun martabat raja itu ada 10 perkara:¹

1. Berbanyak-banyak syukur.
2. Siddik.
3. Berilmu.
4. Berani.
5. Jaga lagi Tawakal.
6. Tawakal serta yakin.
7. Tetap akal.
8. Sabar.
9. Memberi kehendak segala rakyatnya.
10. Tahu akan pangkat dan martabat rakyatnya sekalian. Jikalau terpakai segala yang tersebut itu oleh segala raja-raja nescaya selamat barang pekerjaannya. Insyaa-Allah Taala.

Adat Istiadat Perlantikan Yang Dipertuan Besar

Perlantikan Yang Dipertuan Besar yang baru berlaku apabila Yang Dipertuan Besar yang sedia ada mangkat atau di pecat dari jawatannya. Menurut apa yang tercatat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan tugas untuk memilih Yang Dipertuan Besar yang baru adalah terletak di tangan undang Yang Empat.² Menyentuh tentang penentuan calon ini terpulang kepada budi bicara Undang. Kemungkinan pengganti terpilih dari bukan keluarga terdekat dari Yang Dipertuan Besar yang mangkat itu, tapi masih ada pertalian darah seperti adik-beradik dan sebagainya. Pengisytiharan nama yang Dipertuan Besar yang baru hanya di buat sejurus sebelum pemakaman. Proses mencari giliran tidak memakan masa agak lama tapi begitu rumit.

Apabila Yang Dipertuan Besar mangkat, Tengku Besar sebagai raja Muda memberitahu terlebih dahulu kepada serambi Undang. Adalah merupakan tempat

¹ Ibid, hal. 56.

² Perlembagaan Negeri Sembilan, Perkara 11.

persinggahan datuk Undang sebelum ke Seri Menanti dan terletak di Luak Tanah Mengandung. Tempat-tempatnya ialah:

1. Serambi Undang Sungai Ujong (Terachi).
2. Serambi Undang Jelebu (Jempol).
3. Serambi Undang Johol (Ulu Muar).
4. Serambi Undang Rembau (Gunung Pasir).

Selepas itu baru diberitahu kepada Undang Yang Empat. Dalam hal demikian paling bertanggungjawab sekali ialah Penghulu Ulu Muar yang bertugas membawa berita itu ke pengetahuan Undang Yang Empat. Pemberitahuan kepada Datuk Undang juga melalui upacara adat tertentu, terdiri dari satu delegasi. Pimpinan Penghulu Ulu Muar yang ditemani oleh wakil dari serambi luak-luak tersebut.¹

Luak	Penghulu Ulu Muar	Serambi Undang
1. Sungai Ujong	Datuk Paduka Besar	Raja Muda (Terachi)
2. Jelebu	Orang Kaya Bongsu	Datuk Lela raja (Jempol)
3. Johol	Datuk Seri Maharaja	Datuk Andika (Johol)
4. Rembau	Datuk Senara Muda	Paduka Seri Maharaja (Gunung Pasir)

Harus diingat bahawa delegasi ini tidak bertemu secara langsung dengan datuk Undang masing-masing tetapi melalui orang besar Undang kecuali Johol. Johol tidak boleh diwakili oleh serambinya kerana serambinya adalah Penghulu Ulu Muar, bertugas di istana. Contohnya delegasi ke Sungai Ujong mesti terlebih dahulu menemui datuk Madaleka, ke Rembau Datuk Seri Inda Maharaja, Berbanding dengan Johol di mana mereka boleh terus menerus berhubung dengan datuk Undang melalui salah seorang datuk Lembaganya.

Selepas itu Datuk Undang berangkat ke Seri Menanti. Mereka terpaksa melalui beberapa upacara adat lagi sebelum sampai ke Seri Menanti iaitu di tempat persinggahan masing-masing. Ini bertujuan memberi peluang kepada Datuk Ulu Muar menyediakan keperluan menyambut ketibaan Datuk Undang itu kelak. Ketika tiba di tempat persinggahan, utusan dari Penghulu Ulu Muar berserta serambi berkewajipan memberitahu Penghulu Ulu Muar tentang kedatangan Datuk Undang. Tempat persinggahan Datuk-datuk Undang adalah seperti berikut:²

Datuk Undang	Tempat Persinggahan
Sungai Ujong	Terachi
Jelebu	Kampung Bukit (Bukit Kikir) Jempol
Johol	Cheriau
Rembau	Gunung Pasir

Selepas singgah di sini Datuk Undang berjalan semula tapi tidak terus ke Seri Menanti, malah masih perlu tempat persinggahan seperti berikut:³

¹ R.J. Wilkinson, op. cit, hal. 380. lihat juga M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 125.

² R.J. Wilkinson, op. cit, hal. 382.

³ Ibid, hal. 382.

Datuk Undang	Tempat Persinggahan
Sungai Ujong	Kampung Selamak
Jelebu	Kampung Bayu
Johol	Kampung Bukit
Rembau	Bukit Tempurung

Didapati dua tempat persinggahan sebelum Datuk Undang benar-benar tiba ke Seri Menanti. Tatkala di sini Datuk Baginda Maharaja, iaitu Ketua Lembaga Ulu Muar melawat Datuk Undang sambil berbincang tentang penetapan hari dan tarikh pemakaman dan perlantikan Yang Dipertuan Besar yang baru. Dalam masa yang sama juga tempat kediaman khas dengan reka bentuk istimewa untuk Datuk Undang di bina berhampiran balai Penghadapan. Tidak seorang pun ketua-ketua adat boleh menduduki tempat ini selain dari Datuk Undang. Ada nama-nama tertentu:¹

1. Balai Melentang untuk Datuk Kelana Sungai Ujong.
2. Balai Serong untuk Datuk Undang Jelevu.
3. Balai Bertingkat untuk Datuk Undang Johol.
4. Balai Panjang untuk Datuk Undang Rembau.

Bagi permulaan memilih dan pengisytiharan Yang Dipertuan Besar di buat apabila Datuk Undang Bersiap sedia di tempat masing-masing.

Syarat-Syarat Pemilihan Calon Yang Dipertuan

Pada keseluruhannya pemilihan calon-calon Yang Dipertuan Besar berasaskan kepada latar belakang keturunan dan kebaikan tingkah laku. Dengan kata lain calon-calon mestilah sempurna dalam segala segi. M.B. Hooker,² mengklasifikasikan calon-calon mengikut keturunan. Sekiranya anak lelaki Yang Dipertuan didapati tidak layak, maka Undang-Undang akan memilih mereka-mereka yang ada hubungan kekeluargaan dengan Yang Dipertuan Besar yang mangkat dan dikira dari sebelah pihak bapa iaitu:³

1. Adik-beradik Yang Dipertuan Besar.
2. Bapa saudara Yang Dipertuan Besar.
3. Cucu lelaki daripada Yang Dipertuan Besar.
4. Anak lelaki dari adik-beradik lelaki Yang Dipertuan Besar.
5. Anak lelaki dari bapa saudara Yang Dipertuan Besar.

Mereka-mereka yang tersebut ini adalah berhak mewarisi jawatan Yang Dipertuan Besar. Pada suatu masa dahulu, jika tiada penemuan calon tempatan yang benar-benar layak, maka Datuk Undang akan merujuk ke Sumatra, melantik anak raja dari Pagar Ruyung. Dalam salasilah struktur pemerintahan sekarang umpamanya, Tungku Jaafar adik Tungku Munawir mengikut salasilahnya belum berhak mewarisi tetapi kerana anak lelaki Tungku Munawir tidak layak oleh sebab-sebab yang tertentu. Maka jawatan Yang Dipertuan Besar secara automatik berpindah kepada adiknya itu Tungku Jaafar.⁴

¹ Ibid, hal. 382.

² M.B. Hooker, Readings In Malay Adat Laws, op. cit, hal. 340.

³ Perlembagaan Negeri Sembilan, 1969, bab 4, perkara 12 (1).

⁴ M.B. Hooker, Adat Law In Modern Malaya, op. cit, hal. 115.

Apabila calon memenuhi syarat dan tidak ada bangkangan antara empat Undang, maka pengisytiharan nama Yang Dipertuan Besar akan dibuat oleh Datuk Kelana Sungai Ujong kerana beliau adalah Datuk Undang yang terkenal dan tertua. Dalam sebarang upacara adat, beliau sering mendahului Datuk Undang yang lain dan mendapat keistimewaan. Selepas ini Yang Dipertuan Besar yang baru itu mengambil tugas dari Datuk Undang dalam menyempurnakan istiadat pemakanan.

Adat Istiadat Pertabalan

Dalam upacara pertabalan, terdapat dua istiadat lain iaitu istiadat bersiram dan hari penabalan yang sebenarnya. Hari pertabalan Yang Dipertuan Besar merupakan hari cuti umum bagi rakyat Negeri Sembilan. Bertempat di Balai Penghadapan penyelenggaraan segala persiapan seperti pengurusan makanan untuk rakyat yang datang menyaksikan dan memasang alat-alat kebesaran di sekitar kawasan istana adalah terpulang kepada Dewan Keadilan dan Undang. Upacara ini dinamakan “mendirikan adat”. Alat-alat kebesaran terdiri dari:¹

1. 8 Tombok Benderang.
2. 8 Pedang.
3. 8 Keris Panjang.
4. 8 Lilin.
5. 8 Tempat Sirih.
6. 8 Payung.
7. 8 Tempat Abu.
8. 8 Tempat Air.

Dengan itu merual pun berkembang di pegang oleh juak-juak istana berwarna kuning, hitam dan merah. Inilah tiga warna adat yang di bawa dari Pagar Ruyung. Di Minangkabau sehingga kini menjadi lambang sifat pemimpin adat.² Keempat-empat Datuk Undang dan Datuk Lembaga masing-masing dikehendaki hadir. Mereka tinggal di telapak masing-masing yang namanya telah pun tersebut.

Adat Istiadat Bersiram

Sama ada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan atau raja-raja negeri lain, lazimnya mesti mengalami istiadat bersiram atau dikenali juga dengan istiadat mandi atau berlangir. Ini dilakukan sebelum menghadapi upacara pertabalan sepenuhnya. Ini dilakukan di tempat yang bernama “Panca Persada”. Antara lain bertujuan untuk menyucikan tubuh baginda berdua. Sebagai langkah permulaan, Yang Dipertuan Besar dan Tengku Ampuan menaiki kenderaan khas bergelar Maharaja Diraja, ditarik oleh pegawai sembilan puluh sembilan menuju ke Panca Persada yang biasanya terletak di luar balai penghadapan.

Para pengiring ada susunan tertentu³ orang-orang bergelar terdiri dari pegawai istana, Panglima Sutan Laksamana dan Antara mengiringi baginda di hadapan.

¹ R.J. Wilkinson, *Seri Menanti*, Papers On Malay Subjects, 1914, hal. 373.

² M. Rasyid Manggis Datuk Radjo Penghoeloe, *Hubungan Sejarah Negeri Sembilan ke Minangkabau*, Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970, hal. 18.

³ Nordin Selat, *op. cit.*, hal. 148.

Mereka membawa senjata dan alat kebesaran. Kemudian diikuti dengan barisan Penghulu luak Tanah Mengandung iaitu Datuk Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir, para pemain muzik, pembawa alat kebesaran dan Orang Empat Istana. Pengapit kiri kanan kenderaan ialah Tok Kanda dan Tok Gajah dan di belakangnya Tok Mangku. Para pengiring seterusnya dari keluarga di raja dan orang ramai.

Kedudukan para pemain peranan di pentas “Panca Persada” juga mempunyai fungsi tertentu. Yang Dipertuan Besar dan Tengku Ampuan menduduki Panca Persada yang paling atas yang kebiasaannya di bina tujuh tingkat. Berdiri di belakangnya Panca Persada ialah pembawa payung kuning, Orang Empat Istana Datuk Akhir Zaman yang memegang batil perak dan Penghulu luak Tanah Mengandung berdiri di kiri kanan setiap anak tangga naik ke pentas. Duduk di tangga atas persendirian dan berpakaian serba hitam ialah laksamana iaitu salah seorang pegawai anggota sembilan puluh sembilan dari suku Seri Semelenggang, berperanan melakukan penyiraman. Apabila kedudukan masing-masing sudah tetap, maka upacara bermula dengan Empat Orang Istana membawa batil dan loyang mengelilingi pentas sebanyak tujuh kali. Apabila selesai seorang demi seorang dari kumpulan Orang Empat Istana tadi dan Penghulu-Penghulu Tanah Mengandung naik ke pentas berhampiran dengan Yang Dipertuan Besar sambil menyerahkan batil berisi bedak limau. Setiap penghormatan kedua baginda akan mencecahkan tangan ke dalamnya. Upacara ini berakhir dengan bersiram dan bacaan doa selamat. Peringkat pertama dalam istiadat pertabalan berakhir setakat ini.

Istiadat Pertabalan

Biasanya istiadat pertabalan dilaksanakan di balai penghadapan pada hari yang sama iaitu beberapa jam selepas menjalani adat persiraman.¹ Penggunaan alat-alat kebesaran melambangkan kekuasaan kerajaan masih tetap digunakan. Cuma komposisinya agak berbeza dari yang digunakan dalam adat bersiram. Antara alat tersebut:²

1. 8 Tombok Benderang.
2. 8 Pedang.
3. 8 Keris Panjang.
4. 8 Lilin.
5. 8 Tepak Sirih.
6. 8 Payung.
7. 8 Tempat Abu.
8. 8 Tempat Air.

Juga bekas-bekas kecil berisi air bercampur darah, air yang berisi peluru di dalamnya dan air yang dicampurkan dengan beras tulen. Barang-barang ini dianggap suci bebas dari pengaruh syaitan.

Pelaksanaan Adat

¹ Ibid, hal. 148.

² R.J. Wilkinson, op. cit, hal. 373.

Para jemputan datang dan masing-masing mengambil tempat duduk yang telah ditetapkan oleh dua orang bentara. Tapi kemasukan bagi mereka yang berpangkat ada cara tertentu menurut taraf kedudukannya. Menurut aturan adat empat Lembaga Ulu Muar iaitu Datuk Paduka Besar, Datuk Seri Maharaja, Datuk Senara Muda dan Datuk Orang Kaya Bongsu atas perintah Orang empat Istana berserta pengikut-pengikutnya masuk ke dewan mengikut giliran, bermula dengan Undang Rembau, Johol, Jelebu dan Sungai Ujong. Orang Empat Istana kemudian mengambil tempat sambil membawa tilam kuning untuk diletakkan disinggah sana. Warna kuning menghiasi ruang tempat duduk baginda.

Dalam suasana penuh ketenangan, Empat Orang Istana menyambut ketibaan Yang Dipertuan Besar diiringi oleh Apit Lempang Istana, Putera-Putera istana dan Tengku Besar Tampin. Tengku Empuan pula mengikuti dari belakang dengan iringan inang-inang istana. Kedua-dua baginda duduk di atas singgah sana.

Upacara yang pertama mempamerkan alat-alat kebesaran kerajaan. Panglima raja berdiri di sebelah kanan Yang Dipertuan Besar menyandang tombok besar dan panglima sultan berdiri di sebelah kiri sambil memegang pedang diraja. Di hadapan mereka dua orang laksamana menyandang alat kebesaran yang sama. Juak-juak Hulubalang berdiri di hadapan, Laksamana memegang lapen tombok berambu, lapen lilin, lapen kendi air yang berfungsi sebagai sembul kekuasaan.

Acara seterusnya mengeluarkan senjata-senjata dari kain pembungkus berwarna kuning, payung kuning diraja dikembangkan, lilin dipasang, kendi air serta tepak sirih diangkat tinggi untuk perhatian para jemputan. Quran dan bahan-bahan suci yang tersebut di atas diletakkan di hadapan Yang Dipertuan Besar. Pada saat ini bau kemenyan memenuhi setiap ruang balai penghadapan. Peraturan adat seperti ini berfungsi seolah-olah untuk menunjukkan pada umum akan kesucian sahsiah Yang Dipertuan Besar itu.¹ Selain dari itu bahan seperti air bercampur darah dan Quran merupakan sesuatu yang suci murni. Tidak boleh dipermainkan oleh sesiapa jua pun. Dalam hal ini baginda diibaratkan seperti barang tersebut, rakyat atau pembesar mesti mematuhi perintah raja.

Dalam suasana keheningan, Datuk Kelana berdiri dan mengarahkan kata-kata kepada Bentara Kanan:²

“ Hai Bentara Kanan, serukan kata kami Undang Yang Empat kepada sekalian rakyat tua muda, kaya miskin, hina dihina dalam alam Negeri Sembilan ini. Adapun pada hari ini, kami mengerjakan (sebut nama Yang Dipertuan yang baru), naik di atas takhta singgahsana kerajaan Negeri Sembilan dan kita sekalian menjunjung duli dan iaitu (sebut nama Yang Dipertuan yang baru) menggantikan Seri Paduka ayahdanya yang telah mangkat dan telah dijadikan oleh Undang Yang Empat pada masa sebelum dimakamkan Seri

¹ Ibid, hal. 382.

² Nordin Selat, op. cit, hal. 149.

Paduka ayahdanya. Sebut (hari dan tarikh permakaman)".

Menjawab seruan Datuk Kelana, Bentara Kanan berdiri satu kaki dengan tapak kaki kanan di lutut kaki kiri sambil berseru:¹

“ Hai tuan-tuan sekalian mulia dan hina, besar dan kecil, tua dan muda adalah Undang Yang Empat dengan adat istiadat menabalkan Yang Dipertuan Besar (nama baginda) naik di atas takhta singgahsana kerajaan Negeri Sembilan”.

Bentara kanan selaku jurucakap dalam upacara ini. Petikan di atas memperlihatkan kedua baginda sudah rasmi menjadi ketua negara. Para tetamu kecuali bukan Melayu melaungkan “Daulat Tuanku” sebanyak tiga kali. Selepas itu Seri Amar Diraja, salah seorang Orang Empat Istana membakar kemenyan dan membaca doa selamat. Selesai upacara perasmian, maka diadakan pula upacara penghormatan.

Upacara Mengangkat Sembah

Sepanjang perlantikan pemimpin Adat Perpatih, kita tidak terlepas dari upacara penghormatan. Ini merupakan satu taat setia rakyat kepada pemerintah. Mendahului upacara ini ialah Datuk Kelana Sungai Ujong apabila Datuk Bentara Kanan memerintah:²

“ Hai, Datuk Kelana Putera yang memerintah
Luak Sungai Ujong, titah dipanggil”.

Kemudian diikuti oleh Undang Jelebu, Johol dan Rembau. Cara pemerintahan antara Datuk Undang dengan yang lain agak berbeza. Kelainan terletak pada cara melangkah dan perulangan menyembah. Contohnya bagi pihak Undang sesudah nama masing-masing disebut, mereka “mengangkat sembah” tujuh kali di setiap anak tangga singgahsana, mencium tangan baginda tiga kali dan berundur ke belakang berdiri sambil mengangkat sembah lima kali sebelum ke tempat duduknya. Tapi, di pihak Datuk Syah Bandar dan ketua adat yang lain, terdiri dari Datuk Lembaga dari empat luak menghadap secara sembilan kali semasa berundur tanpa mencium tangan. Struktur giliran dalam upacara menghadap adalah seperti berikut:³

1. Penyembahan dari Datuk Undang Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau.
2. Penghulu-Penghulu luak Tanah Mengandung iaitu Datuk Ulu Muar, Datuk Terachi, Datuk Jempol dan Datuk Gunung Pasir. Juga Penghulu-Penghulu luak lain terdiri Datuk Inas, Datuk Gemencheh, Datuk Air Kuning dan Datuk Muda Linggi.
3. Komposisi Datuk Lembaga dari empat luak:

¹ Ibid, hal. 149.

² R.J. Wilkinson, op. cit, hal. 384.

³ Ibid, hal. 384. lihat juga Nordin Selat, op. cit, hal. 150.

a) 4 Lembaga luak Sungai Ujong.

- i. Datuk Medika.
- ii. Datuk Seri Maharaja Diraja.
- iii. Datuk Akhir Zaman.
- iv. Datuk Amar Setia.

b) 4 Lembaga luak Jelebu.

- i. Datuk Menteri.
- ii. Datuk Miang.
- iii. Datuk Cincang.
- iv. Datuk Senara.

c) 4 Lembaga luak Johol.

- i. Datuk Raja Balang.
- ii. Datuk Mendika.
- iii. Datuk Raja Senara.
- iv. Datuk Baginda Raja.

d) 8 Lembaga luak Rembau.

Daerah Baroh: - Datuk Merbangsa.
- Datuk Gempa Maharaja.
- Datuk Bangsa Balang.
- Datuk Shamsura Pahlawan.

Daerah Darat: - Datuk Seri Maharaja.
- Datuk Sinda Maharaja.
- Datuk Andika.
- Datuk Mendika.

4. Wakil Dari Suku-Suku Waris Luak.

Sungai Ujong: - Datuk Laksamana.
- Datuk Panglima Besar.
- Datuk Johan.
- Datuk Lela.
- Datuk Panglima Muda.

Jelebu: - Datuk Ombi.
- Datuk Raja Balang.
- Datuk Paduka.
- Datuk Majinda.

Johol: - Datuk Baginda Tan Mas.

Rembau: - Datuk Shah Bandar.
- Datuk Mengkubumi.

- Datuk Menteri Lela Perkasa.
- Datuk Raja Diraja.
- Datuk Perba.

Apabila selesai upacara memberi hormat menandakan taat setia bagi sekalian masyarakat, upacara penutup pertabalan diiringi dengan bacaan doa.¹

“.....Ya Allah! Ya Tuanku! Kita memohonkan ke hadrat Tuhanku akan taufik dan hidayat bagi kita dan tuan penghulu kita (nama Yang Dipertuan Besar).

Hai, Tuhanku! Jatuhkanlah perasaan cinta dan berkasih sayang di antara hatinya dan hati sekalian hamba rakyatnya! Hai Tuhanku, jadikanlah kiranya bersemuafakat di antaranya dengan menteri-menteri dan kadhi-khadinya atas mendirikan agama Islam. Hai Tuhanku, perkekalkanlah kiranya pertolongan dan kemenangan serta kemuliaan bagi Penghulu kita (nama Yang Dipertuan Besar) dan tinggikanlah sebutannya hingga terkenal bahawa Allah Subhanahu Wataala telah mengangkat dia menjadi khalifah yang sempurna dan kurnia lah akan dia taufik pada perkara memperelokkan negeri, rakyat dan pemerintahan dan jadikanlah sekalian hamba rakyatnya berhidup berlaizat cita dengan cahaya kenaikan daulatnya yang tinggi.....”.

Para hadirin meninggalkan balai penghadapan, biasanya secara tidak rasmi Yang Dipertuan Besar masih lagi menerima penghadapan tapi kali ini dari kerabat diraja. Setiap mereka menghormati bergilir-gilir secara mengangkat tangan ke dahi sebanyak tiga kali.

Demikianlah upacara istiadat pertabalan Yang Dipertuan Besar, berlangsung dengan penuh beradat. Dengan menjalani adat ini, kedudukan yang Dipertuan Besar benar-benar teguh, diiktiraf oleh semua golongan rakyat dan kerajaan.

Isteri Yang Dipertuan Besar

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selalu suka berkahwin dengan anak orang yang bukan berketurunan raja. Tetapi mesti dari keluarga matrilineal. Dalam keadaan orang yang baru jadi Yamtuan memilih jodoh dengan anak perempuan orang yang dahulu memegang jawatan. Perempuan yang menjadi isteri Yang Dipertuan Besar ini digelar “Tengku Puan”. Walau bagaimanapun mereka boleh berkahwin dengan anak “Air Kaki”, ini digelar “Ampuan” saja. Tetapi anak air kaki dari suku Batu Hampar. Perut ini adalah keturunan Raja Melewar.

Hal keadaan encer Puan adalah di ambil dari suku-sukunya (tempat tinggal asalnya). Keadaan melantik adalah sama dengan keadaan melantik Tengku Ampuan juga. Tetapi sekiranya dari keturunan yang lain ia digelar Che Muda.

Cara Pertabalan Tengku Ampuan

Mengikut adat pertabalan Tengku Ampuan dilakukan dahulu, sebelum pertabalan Yang Dipertuan Besar. Orang yang memohon seorang Tengku Ampuan

¹ Nordin Selat, op .cit, hal. 150-151.

ialah Penghulu-Penghulu luak Tanah Mengandung. Mereka berbicara dengan Orang Empat Istana atas siapakah yang harus dipilih. Orang Empat Istana yang memegang peti bunyian sesudah meneliti, mengkaji dan mendalami hal itu memutuskan siapakah yang patut. Setelah itu Penghulu-Penghulu Tanah Mengandung menghadap Yang Dipertuan Besar dan memohon supaya isteri baginda yang telah terpilih itu dijadikan Tengku Ampuan. Kalau pilihan itu di perkenan oleh Yang Dipertuan Besar, maka akan ditetapkan hari pertabalannya pula.

Upacara bermula dengan perarakan menuju ke istana untuk menghadap Yang Dipertuan Besar. Bermula di rumah ayahda Tengku Puan dengan membawa alat-alat kebesaran diikuti penyanyi-penyanyi dan pemain alat bunyian. Mengapit Tengku Ampuan ialah Orang Empat Istana, Seri Amar Diraja, Penghulu Dagang, Raja Dangsa dan Datuk Akhir Zaman. Mengekori di belakang ialah putera-putera raja dan inang-inang pengasuh serta dayang-dayang istana. Sementara tiga orang dari pegawai Enam Istana membawa alat-alat kebesaran. Bersama-sama mereka Apit Lempang, Orang Besar Lengkungan, dua waris tiap-tiap luak Tanah Mengandung dan pegawai sembilan puluh sembilan.¹ Bila sampai di istana, Yang Dipertuan Besar bertitah:

“Mengikut peraturan adat istiadat Negeri Sembilan, dengan redha dan suka cita, kami menjunjungkan pangkat dan gelaran Tengku Ampuan Negeri Sembilan ke atas jemala isteri kami (sebut nama isteri)”.

Tengku Ampuan kemudian mengangkat sembah tiga kali dan mencium tangan Yang Dipertuan Besar. Selepas itu barulah beliau bersemayam di singgahsana. Selepas Yang Dipertuan Besar bersemayam bersama-sama dif-dif terhormat Betara dalam berseru:

“ Datuk Setia Lela, Ulu Muar, titah memanggil, tampillah menghadap menjunjung duli”.

Datuk Ulu Muar menyambut seruan itu dengan melakukan upacara sembah kepada Tengku Ampuan. Kemudian diikuti Datuk Terachi, Datuk Gunung Pasir, Datuk Muda Linggi, Datuk Air Kuning, Lembaga-lembaga luak Ulu Muar, Datuk Baginda Maharaja, Datuk Paduka Besar, Datuk Seri Maharaja, Datuk Senara Muda, Datuk Orang Kaya Bongsu, Lembaga-Lembaga Terachi, Datuk Raja Di Muda, Datuk Menteri Maharaja, Lembaga-Lembaga Gunung Pasir, Datuk Paduka Seri Maharaja dan Datuk Setia Lela.²

Jawatan-Jawatan Yang Terdapat Dalam Istana

Dalam urusan pentadbiran Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, ia dibantu oleh pegawai-pegawai istana yang bergelar terdiri dari:

- a) Putera Yang Empat.
- b) Orang Empat Istana.
- c) Pegawai Yang Enam.
- d) Apit Lempang Orang Empat Istana.

¹ Ibid, hal. 151.

² Ibid, hal. 152.

e) Pegawai Sembilan Puluh Sembilan.

Putera Yang Empat

Ia merupakan jawatan istana yang tertinggi dan disandang oleh anggota-anggota diraja. Sebarang pengaduan terhadap keluarga diraja, mesti dibuat melalui Putera Yang Empat. Tugas mereka menyiasat tuduhan-tuduhan, mereka juga menentukan siapa salah dan benar, juga mereka sebagai orang perantaraan antara Undang Yang Empat ketika bertemu Yang Dipertuan Besar. Bila anggota sembilan puluh sembilan mati Putera Yang Empatlah menerima ganti.¹

Orang Empat Istana

Mereka merupakan pemegang jawatan tertinggi bagi orang yang bukan berdarah raja. Gelaran yang diberikan kepada mereka ialah dua dari Air kaki iaitu Seri Amar Diraja dan Datuk Raja Diwangsa. Mereka dipilih sama ada dari perut Ranjau Hantu atau perut Raja Menteri. Kemudian dua orang dari Suku Tanah Datar iaitu Penghulu Dagang dan Penghulu Akhir Zaman.²

Tugas-tugas mereka adalah terdiri dari memegang “kunci peti bunyian” iaitu tempat menyimpan salasilah raja, Undang, Penghulu, Pegawai-Pegawai Istana dan peraturan-peraturan warisan jawatan. Pendek kata mereka bertanggungjawab bagi semua pelaksanaan adat istiadat dan orang ramai meminta nasihat daripada mereka dalam semua hal protokol adat istiadat. Mereka juga sebagai penyiasat dan menentukan segala kesalahan dan hukuman yang dilakukan oleh anak raja. Juga kalau putera raja hendak berkahwin merekalah yang memainkan peranan penting.

Pegawai Yang Enam

Pegawai-pegawai iaitu bergelar:

- a) Panglima Sutan.
- b) Panglima Raja.
- c) Laksamana Satu.
- d) Laksamana Dua.
- e) Datuk Andatar.
- f) Datuk Johan.

Pada keseluruhannya tugas mereka-mereka ini sebagai pembantu Orang Empat Istana dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kebesaran diraja. Ada juga tugas yang ditentukan seperti Datuk Johan membantu Orang Empat Istana menerima tetamu kenamaan dan Datuk Andatar menolong menyambut Undang.

Apit Lempang Orang Empat Istana

¹ Ibid, hal. 60.

² M.B. Hooker, *Adat Laws In Modern Malaya*, op. cit, hal. 119.

Tugas mereka adalah sama dengan pegawai yang enam iaitu sebagai pembantu Orang Empat Istana dalam urusan istana. Mereka terdiri dari enam orang masing-masing bergelar:

- a) Datuk Membesar.
- b) Datuk Andika.
- c) Datuk Sutan Bentara.
- d) Datuk Raja Panglima.
- e) Datuk Bentara Kanan.
- f) Datuk Bentara Kiri.

Pegawai Sembilan Puluh Sembilan

Mengikut Dr. Nordin Selat,¹ pegawai-pegawai ini dulu jumlahnya 99 orang, tetapi sekarang ini lebih dari 300 orang. Ada di antara mereka berasal dari Air Kaki Lengkuhan dan yang lainnya dari kawasan luak Tanah Mengandung iaitu 12 suku Ulu Muar, 12 suku Jempol, 6 suku Terachi, 6 suku Gunung Pasir, Inas, Gemencheh dan Air Kuning. Sebilangan kecil dari Rembau walaupun ia tidak termasuk luak Tanah Mengandung.

Dulu tugas mereka ini sebagai polis di mana menguatkuasakan larangan raja. Kalau ada golongan rakyat yang melanggar larangan raja merekalah akan melaporkan kepada Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam atau Apit Lempang Orang Empat Istana untuk dipersembahkan kepada Yang Dipertuan.

¹ Nordin Selat, op. cit, hal. 63.

Penutup

Adat Perpatih di Negeri Sembilan seperti juga bentuk asalnya adat Minangkabau, telah wujud dari generasi ke generasi sebagai tradisi lisan. Adat ini tidak mempunyai bentuk dan erti yang tepat seperti undang-undang. Ini kerana adat itu untuk memudahkan perubahan mengikut penyesuaian keadaan masa dan tempat.

Seorang pengkaji mungkin menemui pelbagai-bagai adat di daerah yang berlainan di Negeri Sembilan. Ini bukan bererti penganut adat itu keliru tentang adat, malahan ia merupakan suatu yang wajar kerana tiap-tiap daerah membuat interpretasinya sendiri ke atas adat yang diutarakan dalam perbilangan dan mengubah atau memasukan unsur-unsur yang sesuai dengan keadaan tempatan.

Kalau meneliti keadaan politik Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah merangkumi ciri-ciri pembahagian kuasa antara luak-luak dan dalam setiap luak pula ada pembahagian kuasa hingga ke peringkat yang paling kecil. Menurut penulis Abdul Rahman Muhammad mengatakan, bahawasanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada demokrasi dan sosialisme.¹ Ini mungkin corak politik pemerintahan Adat Perpatih adalah hasil percampuran antara dua sistem ini. Demokrasi adalah satu pemerintahan atau kerajaan yang didirikan dan dikendalikan sendiri oleh penduduk atau rakyat kerana faedah dan kebahagiaan bersama, untuk faedah dan kebahagiaan bersama. Manakala Sosialis pula memetingkan supaya umat manusia tetap hidup bermasyarakat, segala kemewahan atau kesusahan adalah ditanggung oleh masyarakat secara kolektif. Oleh kerana ciri-ciri kedua sistem ini wujud dalam masyarakat Adat Perpatih, maka Abdul Rahman Muhammad mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi dan sosialisme.

Manakala R.J. Wilkinson pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi² sahaja. Ini mungkin dia melihat dari sudut pemilihan pemimpin secara umum yang mana tidak mengira keturunan seperti yang terdapat dalam Adat Temenggung. Sementara M.B. Hooker pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah politik adat yang berperlembagaan.³

Dalam hal ini penulis tidak sependapat dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan, kerana pada hemat penulis politik Adat Perpatih bukanlah bercorak demokrasi secara total atau sosialis secara total, malahan ia lebih bersifat feudalisme. Ini kerana segelintir rakyat sahaja yang layak memegang kuasa tertinggi bergantung kepada suku Biduanda yang ia berada di bawahnya. Sedangkan rakyat yang lain hanya layak memegang kuasa yang kecil sahaja. Kalau demokrasi yang sebenarnya tidak kira keturunan sama ada dari suku Biduanda atau lain-lain semuanya layak menjadi pemimpin tertinggi asalkan ia berkeelayakan.

Berhubung dengan kedudukan sistem ini dalam perundangan negara adalah tidak dipertikaikan lagi kerana ada peruntukan dalam Perlembagaan Negara Malaysia perkara 181 (1) yang berbunyi: Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan kuasa dan bidang kuasa Raja-raja dan

¹ Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 2.

² R.J. Wilkinson, Malay Law, Paper On Malay Subjects, Law, part 1, 1908, hal. 7.

³ Temu bual dengan M.B. Hooker, di UKM Bangi, semasa ia menjadi pensyarah pelawat, pada 29.9.1981.

hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.¹

Mudah-mudahan adat ini akan kekal sebagai suatu peradaban tradisi Melayu yang unggul. Kewujudannya hingga ke hari ini menjadi kebanggaan kepada orang-orang Melayu kerana ia merupakan suatu sistem yang timbul dan berkembang di rantau sebelah sini tanpa kesedaran dari mana-mana adat di dalam dunia ini.

¹ Perlembagaan Negara Malaysia, perkara 181 (1).

BIBLIOFAFI

1. Abdul Rahman bin Haji Mohammad, *Dasar-Dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Abbas Haji Ali, *Rembau, Sejarah Perlembagaan Dan Adat Istiadatnya*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953.
3. Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.
4. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
5. Abdul Samad Idris, *Kemurnian Dalam Adat Perpatih*, Kertas Kerja Seminar Pesejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
6. A.M. Datuk Maruhun Batuah & D.H. Baginda Tanameh, *Hukum Adat Dan Adat Minangkabau*, N.V. Poesaka Aseli, Jakarta, 1957.
7. Hooker M.B, *Adat Laws In Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
8. Hooker M.B, *Reading In Malay Adat Laws*, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. Hooker M.B, *The Personal Laws of Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, London, 1976.
10. A. Kadir Yusof, *Mengenal Adat Perpatih Struktur dan Organisasi*, Dewan Masyarakat, 1972.
11. Abdul Ghani Shahmaruddin, *Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Dikaji Dengan Teliti*, Dewan Masyarakat, 1964.
12. Martin Lister, *The Negeri Sembilan Their Origin And Constitution*, JSBRAS, no. 19, 1887.
13. Gibb H.A.R. and Kramers, *Shorter Encyclopedia Of Islam*, Leiden: Brill, 1961.
14. Brown B.J. *Justice And The Adat Perpatih Law or Lore*, Papers on Malayan History, JSEAH, Singapore, 1962.
15. Gullick, J.M. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (DBP), Kuala Lumpur, 1970.
16. Balandier G. *Political Anthropology*, Pelican/ Peguin, England, 1974.
17. Gould & Kolb, *A Dictionary of Social Sciences*, Tavistock Publication, London, 1974.

18. Haji Mohtar bin Haji Mohd Dom, Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977.
19. Haji Hassan Haji Salleh, Prinsip-Prinsip Fiqh Islam, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, 1979.
20. Haji Mohd Din bin Ali, Islam and Adat, Two Forces In Malay Society, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 3, Singapore, 1963.
21. Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
22. Lokman Yusof, Islam and Adat, as Seen In Land Inheritance, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 4, Singapore, 1963.
23. Haji Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
24. M. Sharif Fakeh Hassan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan dan Kaitannya Dengan Minangkabau, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
25. Swift M.G. Malay Peasant Society In Jelevu, New York, 1965.
26. Winstedt R.O, Negeri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of Nine States, JMBRAS, Vol. 3, 1934.
27. Shallabear W.G. sejarah Melayu, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
28. Syed Husin Ali, Masyarakat Dan Pimpinan Kampung Di Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.
29. Taylor B.H, Customary Law Of rembau, JMBRAS, Singapore, Vol. 2, Part 1, 1929.
30. Sir. Richard Winstedt dan Dr. P.E. de Josselin de Jong, A Digest of Customary Law from Sungai Ujong, JMBRAS, Vol. 27, Part 3, 1954.
31. Zainal Keling, Sistem kekeluargaan Di Melaka, Jabatan Pengajian Melayu, Latihan Ilmiah Untuk Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
32. Shoekon J.J. A. Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, JMBRAS, Vol. 14, bhg.3, 1936.
33. Utusan Malaysia, Rabu, 6 Februari, 1980.
34. The Malay Law Journal, Januari, 1981.

35. En Shamsul Amri bin Baharuddin, Politik Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, April, 1974.
36. Wilkinson R.J. (ed) Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, Singapura, 1921.
37. Datuk Talib bin Jonos, Setiausaha kepada Y.T.M Datuk Kelana Putera, Undang Sungai Ujong, Temu bual penulis, 5.12.1981.
38. Kertas Kerja Minggu Sejarah Negeri Sembilan, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Negeri Sembilan, 1974.
39. Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad, (Lembaga) kampung Baru, Chek Lah, Mantin Dalam, Mantin, Temu Bual Penulis pada 6.12.0981.
40. Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd Janin (Lembaga) 26 G, Jalan Rasah, Seremban, temu bual penulis, pada 13.12.1981.
41. M.B. Hooker, temu bual penulis di UKM, pada 29.9.1981.
42. Perlembagaan Negara Malaysia.
43. Perlembagaan Negeri Sembilan, 1969.